

25 NOV 1999

Abdullah - BN

BN BERPELUANG BAIK MENANG DI EMPAT NEGERI TUMPUAN

JASIN, 25 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional mempunyai peluang yang baik mencapai kemenangan di empat negeri yang menjadi tumpuannya -- Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan -- pada pilihan raya Isnin ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sokongan kepada calon-calon BN meningkat berdasarkan lawatan beliau ke negeri-negeri berkenaan.

"Jentera pilihan raya (BN) pada waktu ini berjalan lebih lancar, lebih baik dan lebih kemas daripada peringkat permulaan," katanya ketika ditemui pemberita di rumah Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin, di Batu Gajah, dekat sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, BN memberi tumpuan terhadap keempat-empat negeri itu bagi menangkis pelbagai fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan di negeri-negeri itu.

Abdullah berkata : "Peluang kita menang adalah baik."

Beliau juga berkata tiada masalah besar yang dihadapi oleh BN

"Masalah kecil itu biasa, yang boleh diatasi," katanya.

Mengenai strategi BN menghadapi parti pembangkang di negeri berkenaan , Abdullah berkata perkara itu tidak boleh dinyatakan kepada umum.

Abdullah yang dalam rangka lawatan setengah hari ke Melaka terdahulu diraikan oleh Abu Zahar pada satu majlis makan tengah hari selepas merasmikan projek jalan luar bandar Melaka di KM 30, Jalan Merlimau.

Beliau kemudian berlepas ke Bahau, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

NO AD MAI